

RM7.48 bilion gagal dibelanja tahun lalu

BH 8 J 2002

Oleh Kadir DiKac

KUALA LUMPUR, Isnin - Sebanyak RM7.48 bilion peruntukan pembangunan sepanjang tahun lalu, termasuk pakej rangsangan fiskal, gagal dibelanjakan, antaranya disebabkan masalah kerenah birokrasi.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tidak puas hati berharap, sebahagian masalah itu dapat diselesaikan apabila kerajaan mula memperkenalkan cadangan perbelanjaan dua tahun sekali mulai tahun ini.

'AS sendiri patut bertindak' - Muka 2

Perdana Menteri berkata, hanya 87 peratus (RM25.01 bilion) daripada RM28.4 bilion untuk perbelanjaan pembangunan bagi 2001 dan 50 peratus (RM3.65 bilion) daripada peruntukan RM7.3 bilion pakej rangsangan fiskal khusus untuk dibelanjakan sebelum 31 Disember lalu, dibelanjakan.

"Masalahnya ialah pertama mengenal pasti projek, prosedur yang tidak memerlukan perbelanjaan wang, pelantikan kontraktor dan pelbagai lagi masalah.

"Benda ini cuma (membabitkan) perbincangan. Jadi sebelum perkara ini selesai, mereka tak boleh nak belanja wang," katanya kepada pemberita selepas Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ketiga (MAPPA III) di Bukit Kiara, hari ini.

Mengenai cadangan perbelanjaan dua tahun sekali, beliau yang juga Menteri Kewangan menjelaskan, langkah itu bagi membolehkan kerajaan merancang serta merangka tindakan pengurusan secara strategik dan berkesan untuk memastikan

LIHAT MUKA 2

Pendekatan baru atasi kerenah birokrasi

DARI MUKA 1

sumber kewangan digunakan dengan cara paling optimum.

Katanya, cadangan itu sedang dibincangkan dengan Perbendaharaan yang mencari kaedah bagaimana membuat perancangan projek pembangunan.

"Ini bagi membolehkan kita mengenal pasti apa projek yang kita nak buat pada 2003. Sekarang ini kita nak kenal pasti dan dengan itu kita mula rancang apa yang perlu kita buat sebelum laksana projek.

"Apabila tiba Januari 2003, kita dah selesai dah segala kerenah birokrasi dan prosedur yang tidak memerlukan perbelanjaan, tetapi perlu dilaksanakan, sudah boleh dimulakan. Itulah pendekatan yang kita nak buat," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, pendekatan baru itu tidak bermakna tiada peruntukan pembangunan untuk tahun depan jika peruntukan sudah disediakan bagi tahun ini. Apa yang berlaku ialah oesediaan Belanjawan 2003 hibuat tahun ini.

Sebaik memasuki 2003, projek yang dicadangkan itu terus dilaksanakan kerana peruntukan sudah disediakan dengan segala proses pemerolehan tanah dan kontrak telah ditandatangani bagi mengurangkan kerenah birokrasi.

Perdana Menteri berkata, kaedah baru itu sepatutnya dimasukkan ketika pembentangan Belanjawan 2002 pada Oktober lalu, tetapi ia hanya dimulakan tahun ini kerana masa agak suntuk.

"Jadi kita nak buat daripada sekarang ini, kenal pasti apa projek yang kita nak mulakan pada 2003 dan prosedur pelaksanaan akan bermula tahun ini juga iaitu prosedur yang tidak memerlukan peruntukan kewangan," katanya.

Ditanya sama ada wang peruntukan tahun lalu yang gagal dibelanjakan akan dipanjangkan bagi tahun ini, beliau berkata walaupun ia boleh dibawa ke depan, jika cara itu berterusan, projek akan lewat dilaksanakan.

"Lambatlah. Kita nak buat tahun ini juga," katanya.

Sama ada beliau berpuas hati dengan kadar 87 peratus perbelanjaan pembangunan itu dibelanjakan, beliau berkata:

"Ya. Walaupun 87 peratus, saya diberitahu mungkin lebih daripada itu. Maklumat belum dapat. Saya tak pernah puas hati, jangan tanya saya sama ada saya berpuas hati. Saya tidak pernah puas hati kerana benda yang nak buat esok, saya buat semalam," katanya.

Dr Mahathir berkata, peruntukan yang tidak dibelanjakan itu membabitkan semua kementerian khususnya perbelanjaan pembangunan, manakala perbelanjaan mengurus seperti bagi membayar gaji dibelanjakan sepenuhnya.

Dalam Belanjawan 2001, kerajaan memperuntukan RM91.05 bilion dengan RM62.21 bilion atau 68.3 peratus untuk perbelanjaan mengurus dan RM28.84 bilion atau 31.7 peratus bagi perbelanjaan pembangunan.

Dr Mahathir berkata, kegagalan membelanjakan peruntukan itu juga disebabkan masalah mendapatkan tanah,

"Katakan kita nak buat perumahan untuk orang miskin, jadi bila kita buat peruntukan tahun ini... tahun inilah baru nak cari tanah, baru nak bincang harga, lepas itu baru nak kira dengan kontraktor, nak dapat persetujuan.

"Masa yang berlalu itu dah habis setengah tahun. Kadang-kadang sampai hujung tahun kita belum lagi perolehi tanah. Selain itu, umpamanya kita memberi RM2 juta kepada tiap-tiap bandar besar untuk pasang banyak lampu masa perayaan, saya fikir tidak ada satu pun bandar yang belanja, kerana dia nak buat tender,, nak dapat kelulusan itu dan ini... sudah habis sampai hujung tahun.

"Tujuan kita ialah supaya mereka belanja pada 2001, dengan itu mereka menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi bagi tahun 2001, tetapi duit itu tak dapat dibelanjakan," katanya.